

TARIKH	8 / 5 / 2015	SEKSYEN	MEGA
MUKA SURAT	19	RUANGAN	

### HIKMAH HAJI DAN FAEDAH BAGI INDIVIDU

- Menghapuskan dosa kecil. Sebahagian ulama Hanafi berfikir, termasuk dosa besar.
- Memberihkan jiwa daripada maksiat.
- Jiwa menjadi bersih, ikhlas dalam *ta'addid* kehidupannya.
- Menambahkan lagi *ma'nawiyat* ihsan.
- Meneguh dan menguatkan cita-cita serta keazaman.
- Menekahkan lagi *himmah* dengan Allah SWT.
- Menambah dan meningkatkan iman serta keyakinan.
- Memperbaharui perjanjian ketatan dan kepatuhan kepada Allah SWT.
- Beribadat dengan penuh keikhlasan dan harapan kepada kesempurnaan-Nya.
- Mendidik jiwa serta melembutkan perasaan kemunisan.
- Menambah lagi sifat dan tingkatan ihsan dalam ibadat.
- Mengimbu kembali nostalgia keagungan Islam.
- Membaca sejarah salaf al-soleh yang penuh gemilang dengan amalan soleh dan jihad.
- Mengajar erti sebuah kesabaran dan pengorbanan.
- Memahami keperluan *litizam* dan *ittifaqiah* yang mesti disebatkan dalam jiwa.
- Menahirkan kesyukuran di atas pelbagai kurniaan nikmat-Nya. Antaranya, nikmat harta, kesihatan, ilmu, ukhawah, iman, takwa, taahid, akal dan lain-lain.
- Menanam dalam lubuk hati ruh *ubudiyah* yang sempurna.

(Sumber: Dr. Wahbah al-Zuhaili dalam al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu)

## Hikmah haji

Segar, bersemangat beribadat kepada-Nya

### bicara haji

Oleh SOHIBUS SAMAH DR. ZULKIFLI MOHAMAD AL-BAKRI Mufti Wilayah Persekutuan

MENGIKUT Imam Ibnu Qudamah al-Maqdisi: "Hikmah ialah gabungan antara ilmu dan amalan dengannya." Untuk memahami pengertian dan definisi hikmah dengan mendalam, dikemukakan di sini definisinya.

Pada bahasa, ia diambil daripada kalimah *hakama*, dengan maksud tegahan. Justeru, dengan maksud tegahan daripada kezaliman. Hikmah pula membawa maksud tegahan daripada kejahilan.

Dikemukakan di sini hikmah dan falsafah haji sama ada secara faru lalu perseorangan atau jemaah.

Zahir surah al-Baqarah ayat 197, menjelaskan bahawa haji itu mempunyai waktu yang tertentu, iaitu pada beberapa bulan tertentu, iaitu Syawal, Zulkaedah dan 10 hari pertama Zulhijah.

Berdasarkan nas ini, tidak sah ihram dengan haji melainkan di dalam bulan-bulan yang ditentukan sahaja, walaupun ada sesetengah mazhab mengatakan sebaliknya.

Pendapat yang akhir ini dipegang oleh Imam Malik, Abu Hanifah dan

Ahmad Ibnu Hanbal. Pendapat ini juga diriwatkan daripada Ibrahim al-Nakha'ie, al-Thauri dan al-Laith Ibn Sa'ad. Sementara pendapat yang pertama pula, dipegang oleh Imam al-Syafie dan pendapat ini juga diriwatkan daripada Ibnu Abbas, Jubair, 'Ata', Tawus dan Mujahid dan ia merupakan pendapat yang *ashar*.

Matlah kita menelusuri sebahagian *manasik* haji yang dengan jelas ingin mevatakan ummah dengan kesatuan dan mevajahkan mereka dengan sifat-sifat *mahmudah*. Antaranya: pertama: Mendapat manfaat dan menyukikannya. (rujuk al-Haji: 28)

Penyaksian manfaat sesama mereka dengan jalan saling berkongsi ilmu dan pengalaman dan juga masalah mereka. Ini secara langsung meningkatkan lagi kesatuan dan kebersamaan.

Ibnu Abbas ra menyatakan maksud faedah dalam ayat tersebut ialah faedah-faedah di dunia dan di akhirat. Faedah di akhirat ialah keedaran Allah SWT, manakala faedah di dunia adalah segala manfaat yang boleh didapati daripada

binatang-binatang sembelihan korban dan juga perniagaan.

Antara perkara penting yang diperolehi oleh jemaah haji ilmu yang baharu dan semangat untuk beribadat kepada Allah dengan lebih kuat lagi.

Begitu juga pengantiman indah ketika beribadat sudah pasti menjadi ingatan dan memberi kekuatan rohani terhadapnya. Sebenamnya, jika diuraikan kenyataan

## agama



Ibnu Abbas ra itu dan dihitung faedah-faedah daripada segi agama dan kehidupan di dunia, banyak manfaat yang akan diperolehi.

- Kedua: Iku Persamaan.
1. Persamaan tempat - wukuf di Arafah, Mabdi di Muzdalifah dan Mina, Tawaf di Kaabah, berlari anak antara Safa dan Marwa. Kesemuanya mengajar kita untuk
- Sentiasa hormat-menghormati.
  - Tolerasi.
  - Saling *tawajjuh* kepada laili.
  - Saling berdo'a, munaajat dan beribadat.
  - Bersama-sama mencari keedaran Allah.

● Sentiasa berada dalam suasana ibadat il. Lafaz yang sama - Talbiah. Ia merupakan syiar yang satu dengan lafaz dan harapan mencari keedaran-Nya.

3. Berikumpul dengan pakaian yang sama (ihram), tempat dan matlamat yang sama iaitu semata-mata meraih keedaran-Nya sudah pasti membunahkan kesatuan hati untuk menghilangkan belenggu syirik dan kembali kepada-Nya dalam keadaan Islam.

Keempat: Puncak ibadat Haji - Wukuf ilillah satu tempat yang dihadkan pada masa dan tempat yang sama pada ketika yang sama, di mana mereka berhimpun pada tempat yang satu dengan matlamat dan tujuan yang satu.

Sebagaimana yang diketahui, agama Islam dibangunkan atas dasar bersatu dan berbaik dalam kalangan Muslimin.

Oleh itu, Allah SWT telah menjadikan sebahagian besar ibadah yang disyariatkan sebagai pertemuan dalam kalangan mereka dengan pelbagai cara.

Justeru, di sebalik puncak ibadat haji ini, dapat kita fahami bahawa:

- Betapa ibadat ini tiada dapat dilakukan kecuali atas asas agar dapat perhambaan kepada Tuhannya.
- Ta'uhid imam/khatib di Arafah mengingatkan kita kepada *tausiyah* Rasulullah SAW. Justeru menghampiri kepada sunnah dan cinta Rasulullah dapat dipamerkan ketika di Arafah.
- Intipati khutbah jika dihayati, pasti menajihkan ummah yang terunggul dan mempunyai kesatuan yang paling cantik dan kukuh.
- Sama-sama munaajat, doa dan zikir adalah salah satu wasilah untuk menghampiri-Nya, membiung segala belenggu nafsu dan najahnya pautan hati yang kental serta kukuh.
- Tempat yang sama yang mereka berkumpul di bawah payung syahadah dan Islam itu sudah pasti jika dihayati menjadi pemangkin ke arah kesatuan yang akan menggerunkan musuh Islam.
- Kesamaan *musawah* yang akan juga menghasilkan *muasah* iaitu pengorbanan.
- Konsep *ta'awuf* dapat dipraktikkan secara langsung dengan mengukuhkan ukhawah Islamiah. Justeru, *ta'awuf* ialah *ittimam* sesama Islam.



## BICARA HAJI

**KUIZ BERSIRI!**

Hadiah Utama set DVD Panduan Ibadah Haji

**3 HADIAH UTAMA**

Hadiah saguhati Buku Panduan Ibadah Haji Umrah dan Ziarah

**10 HADIAH SAGUHATI**

Solhan Sri 3  
Berapakah Rukun Haji  
JAWAPAN:

Peserta perlu melengkapkan slogan:  
"Saya sula membaca ruangan Bicara Haji yang diterbitkan dalam MEGA, Utusan Malaysia kerana..." (tidak lebih 20 perkataan)

Nama: \_\_\_\_\_  
Alamat: \_\_\_\_\_  
No. Kad Pengiraan: \_\_\_\_\_  
No. Telefon: \_\_\_\_\_  
Pekerjaan: \_\_\_\_\_

**SYARAT-SYARAT PENTERTAKAN**

1) Berumur 18 tahun ke atas  
2) Beragama Islam  
3) Jawatan hendaklah ditunjukkan dan Sini hingga Sini 14  
4) Sederang ada jawapan yang sama, pemenang ditetapkan melalui slogan terbaik dan kreatifiti  
5) Setiap penyertaan membolehkan peserta ke 14 Muzahid MEGA  
6) Hanya penyertaan menggunakan borang nama yang dipaparkan dalam MEGA, dan diterima  
7) Keputusan pengundi adalah mutlak dan Sabarng rayuan tidak akan dityai  
8) Terhenti setiap penyertaan 1 OKTOBER 2015

Kesemua penyertaan hendaklah dihantar kepada:  
"PUSAT KOMMUNIKASIA HAJI 2015"  
#ASAMA HUDA  
UTUSAN MELAYU (M)  
BESRABO  
NO. 44, JALAN UTUSAN  
OFF JALAN DAN SOULUN  
52000 KUALA LUMPUR